

Tautan Mahabbah eratkan pelajar USIM

Gombak: Aktiviti perkhemahan dijadikan pendekatan bagi mengeratkan hubungan pelajar Sarjana Muda Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerusi program Tautan Mahabbah di Kem Alang Sedayu, di sini.

Pengarah program, Mior Muhammad Shahid Mior Mohammad Zin, berkata program tiga hari dua malam, bertema 'Menelusuri Tasbih Ukhwah' itu disertai 174 mahasiswa tahun satu

hingga tiga program berkegiatan.

Katanya, selain mengeratkan hubungan dalam kalangan pelajar, perkhemahan itu juga bertujuan membina kemahiran insaniah pelajar termasuk aspek komunikasi, kepemimpinan dan pengurusan.

"Program kali kesembilan ini bermula meriah pada hari pertama dengan sesi latihan dalam kumpulan termasuk 'Broken Media', 'Pemberita Berkepala Lima' dan 'Explore' bertujuan merangsang

keaktiviti pelajar dan membangunkan seni komunikasi.

"Program yang diterajui oleh 42 pelajar tahun dua ini berjalan lancar pada hari seterusnya dengan aktiviti jejak rimba dan air yang membolehkan meneroka hutan dan air sungai di kem itu bagi menguatkan stamina serta memupuk semangat kerjasama sesama mereka," katanya.

Perkasa jati diri

Urus setia program, Nur Khai-rul Bariyah Ismail, berkata

penyertaan dalam pelbagai aktiviti menerusi perkhemahan itu membolehkan pelajar meneroka pengalaman baharu serta memperkasa jati diri masing-masing.

"Penganjuran program kali ini yang menggunakan pendekatan baharu iaitu aktiviti luar dan dekat dengan alam semula jadi berupaya menyerlahkan sisi baharu pelajar serta memangkin pelajar berfikiran kritis dan kreatif," katanya.

Sementara itu, wakil pihak kem, Hamizan Zainal Abidin

memuji kesungguhan dan kecergasan pelajar dalam menjayakan setiap aktiviti.

"Kerjasama dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh pelajar wajar dipuji terutama ketika aktiviti jejak rimba dan air yang memerlukan mereka menem-puhi pelbagai halangan," katanya.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah kepada peserta disempurnakan oleh pensyarah USIM, Rosninawati Hussin dan Sofia Hayati Yusoff.



Aktiviti perkhemahan mengeratkan hubungan peserta.